

SOALAN NO. : 85

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]

SOALAN:

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah status permohonan peruntukan RM 17 juta yang dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Segamat bagi membaik pulih bund dan projek tebatan banjir yang telah dikenal pasti oleh JPS memerlukan perhatian segera bagi menghadapi situasi banjir pada masa hadapan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) akan memohon projek membaik pulih ban dan projek tebatan banjir tersebut dalam *Rolling Plan* Ke-4 RMKe-11. Pada masa ini, Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Segamat yang dilaksana di kawasan tersebut telah 100% siap dan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga Januari 2018.

Sekian, terima kasih.